

## PERGERAKAN GURU KELUAR SEKOLAH SEMASA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: SATU ANALISIS DI SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI JOHOR

Encik Md Hasidin bin Mohamad Zaini  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kadar kekerapan guru tiada di sekolah semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) mengikut jenis aktiviti dan cuti, impaknya terhadap keberkesanan operasi P&P dan kecenderungan untuk murid ponteng. Kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti pertindihan aktiviti yang dijalankan pada peringkat daerah dan negeri. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan antara penilaian yang dibuat oleh murid dengan guru terhadap impak pergerakan guru keluar sekolah semasa P&P. Kajian juga melihat hubungan antara tahap keberkesanan operasi P&P semasa guru keluar sekolah dengan tahap kecenderungan untuk murid ponteng. Data bagi kajian ini diperoleh melalui tiga sumber iaitu: (a) data sekolah tentang ketidakhadiran guru mengikut jenis aktiviti atau cuti yang diperoleh daripada Pengetua dan Guru Besar dari sekolah yang terlibat, (b) instrumen soal selidik menggunakan 5 skala Likert melibatkan 470 orang guru sekolah menengah dan rendah serta 763 orang murid sekolah menengah dan (c) instrumen soal selidik menggunakan kaedah soalan terbuka yang diisi oleh Pengetua dan Guru Besar yang sama. 131 buah sekolah rendah dan menengah dari semua daerah di negeri Johor telah terlibat. Data kuantitatif yang dikumpul telah dianalisis dengan menggunakan program SPSS versi 10.01 sementara data kualitatif dianalisis secara manual dengan mengelompok dan mengekodkannya sebelum dianalisis menggunakan kekerapan dan peratus. Skor min digunakan bagi menentukan tahap keberkesanan operasi P&P dan tahap kecenderungan untuk murid ponteng. Bagi menguji hipotesis kajian, statistik berkuasa tinggi melibatkan ujian-t digunakan untuk menguji perbezaan antara dua pemboleh ubah iaitu penilaian murid dan penilaian guru. Sementara itu, Korelasi Pearson ( $r$ ) digunakan untuk menentukan tahap hubungan antara keberkesanan operasi P&P semasa guru tiada di sekolah dengan kecenderungan untuk murid ponteng. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa dua faktor utama ketidakhadiran guru di sekolah adalah kerana mereka terlibat dengan aktiviti kurikulum atau mengambil cuti. Tahap keberkesanan operasi P&P semasa guru tiada di sekolah adalah pada aras sederhana tinggi sementara kecenderungan untuk murid ponteng adalah pada tahap yang rendah.

Ujian-t yang dijalankan membuktikan terdapat perbezaan yang signifikan antara penilaian murid dengan guru berhubung impak guru keluar sekolah semasa P&P. Sementara Korelasi Pearson pula menunjukkan bahawa terdapat perhubungan sederhana berbentuk negatif antara keberkesanan operasi P&P semasa guru tiada di sekolah dengan kecenderungan untuk murid ponteng pada aras kesignifikanan 0.01.

## 1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada masa kini isu guru kerap keluar sekolah semasa P&P kerana menghadiri pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sering diperkatakan oleh masyarakat. Senario ini bukan sahaja boleh menjelaskan proses P&P di bilik darjah, malah menyebabkan timbulnya isu-isu lain berkaitan P&P di sekolah. Justeru, satu analisis data diperlukan berkaitan pergerakan guru-guru keluar sekolah semasa P&P untuk melihat elemen-elemen yang mempengaruhi pergerakan guru keluar, impaknya terhadap P&P dan cadangan-cadangan yang diperlukan untuk mengatasi isu berkenaan.

## 2.0 KAJIAN LITERATUR

Kajian tentang pergerakan guru keluar sekolah semasa P&P atau ketiadaan guru (*teacher absenteeism*) di sekolah semasa P&P telah banyak dibuat di negara-negara maju di Barat. Kajian terperinci melibatkan faktor, punca masalah, kesan dan impaknya terhadap pendidikan murid telah dibuat oleh pelbagai organisasi, institusi dan agensi pendidikan serta bukan pendidikan dan orang perseorangan. Norton (1998) dalam kajiannya tentang *Teacher Absenteeism: A Growing Dilemma in Education* mendapati bahawa kadar ketiadaan guru di sekolah adalah sangat tinggi di sekolah yang mempunyai pencapaian yang rendah, di sekolah yang terletak di kawasan penduduk miskin atau penduduk minoriti. Kajian juga mendapati kadar ketidakhadiran guru juga tinggi di sekolah-sekolah besar di kawasan bandar.

Burris (2002) pula membuat kajian untuk mengenal pasti perhubungan di antara ketidakhadiran guru dengan pencapaian murid dalam ujian berdasarkan kedudukan demografi mereka. Kajian ini mendapati bahawa tiada perkaitan yang signifikan di antara ketiadaan guru dengan pencapaian murid kerana terdapat beberapa faktor penyumbang lain yang agak dominan seperti faktor-faktor mobiliti murid, kaedah pengajaran guru berdasarkan teknologi, demografi dan sosio-ekonomi.

Kajian Bruno (2002) pula dijalankan bagi mengenal pasti kadar ketidakhadiran guru di sekolah-sekolah di kawasan bandar berdasarkan lokasi. Kajian mendapati kedudukan geografi sesebuah sekolah mempengaruhi kadar ketidakhadiran guru di sekolah tersebut.

Bradly et. al. (2005) pula membuat kajian bagi mengenal pasti impak daripada interaksi dengan rakan sekerja dengan kadar ketidakhadiran guru di sekolah. Kajian mendapati bahawa rakan sekerja mempengaruhi kadar guru mengambil cuti. Kadar mereka mengambil cuti sebagai contoh berkait rapat dengan bilangan cuti yang diambil oleh rakan mereka.

Sementara itu, *World Bank Research Group on Public Service Delivery* (2002) yang telah membuat kajian tentang isu di atas di beberapa negara membangun mendapati purata peratusan ketidakhadiran guru di sekolah pada setiap hari adalah melebihi 10%.

- Bangladesh : 16 % (Chaudhury et. al., 2004)
- Ecuador : 14 % (Rogers et. al., 2004)
- India : 25 % (Rao & Narasimha 1999)
- Indonesia : 19 % (SMERU Research Institute, 2004)
- Peru : 11 % (Alcazar et. al, 2006)
- Uganda : 27 % (Chaudhury et. al, 2004)

Indonesia merupakan negara paling hampir dengan Malaysia yang terlibat dengan kajian pendidikan anjuran World Bank. Kajian kendalian SMERU Research Institute (2004) itu mendapati bahawa terdapat hubungan yang negatif antara ketidakhadiran guru dengan prestasi murid mereka yang dikaji.

Di Malaysia, kajian ilmiah secara khusus tentang pergerakan guru keluar sekolah semasa P&P adalah sangat terhad. Dapatan daripada kajian berbentuk tinjauan dan analisis data yang dibuat oleh PPD Mersing dan PPD Kluang di Johor melibatkan sekolah-sekolah di daerah masing-masing boleh digunakan sebagai asas untuk kajian lanjut melibatkan peringkat negeri dan kebangsaan. Dapatan daripada beberapa kajian tentang masalah pentadbiran sekolah dan isu beban tugas, kepuasan dan stress di kalangan guru melibatkan isu guru tidak dapat menjalankan P&P kerana bertugas di luar sekolah juga secara tidak langsung memberi input tentang masalah guru keluar sekolah semasa P&P.

PPD Mersing (2005) telah membuat kajian untuk mengenal pasti peratus kekerapan ketidakhadiran guru di sekolah pada masa persekolahan dan punca utama mereka tidak hadir di beberapa sekolah menengah dan rendah di daerah Mersing. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peratus purata ketidakhadiran guru antara Januari hingga Ogos 2005 ialah 12.9% dengan faktor cuti sebagai punca utama ketidakhadiran mereka diikuti oleh penglibatan dalam aktiviti kurikulum. Peratus tertinggi pula telah dicatatkan pada bulan Mac 2005 (26.9%) kerana ramai guru terlibat dengan urusan pertandingan dan aktiviti kokurikulum pada peringkat daerah di samping kursus-kursus anjuran PPD, JPN dan Kementerian.

Kajian PPD Kluang (2005) untuk mengenal pasti kekerapan guru tidak ada di sekolah semasa P&P, dan kesannya ke atas pencapaian akademik telah dijalankan di beberapa sekolah menengah dan rendah di Daerah Kluang. Kajian tersebut mendapati purata ketidakhadiran guru adalah berbeza mengikut bulan kerana banyak aktiviti dijalankan secara bermusim. 57.1% sekolah menengah dan 52.6% sekolah rendah yang dikaji mencatatkan peratusan pergerakan guru keluar sekolah melebihi 10% pada bulan April 2005 tetapi hanya mencatatkan 7.1% dan 26.8% pada bulan Mei 2005.

Seperti kajian yang dibuat oleh Burris (2002), kajian PPD Kluang (2005) ini menunjukkan bahawa tiada perkaitan yang signifikan di antara ketiadaan guru dengan pencapaian akademik murid.

Kajian mengenai masalah pentadbiran di sekolah yang dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran (1980) di 75 buah sekolah di Melaka juga secara tidak langsung memberi gambaran tentang isu ketidakhadiran guru di sekolah. Kajian tersebut dijalankan hanya untuk mengumpul data dan maklumat tentang isu guru tidak dapat melaksanakan fungsi utama mereka untuk mengajar disebabkan beban tugas menjalankan aktiviti tambahan bukan mengajar di luar bilik darjah (termasuk di luar sekolah). Kajian mengesahkan bahawa guru-guru di sekolah terlibat dengan beberapa tugas bukan mengajar di dalam bilik darjah ataupun di luar bilik darjah sehingga mengakibatkan mereka terpaksa meninggalkan bilik darjah dan menangguhkan P&P yang sepatutnya berlangsung.

### 3.0 MATLAMAT KAJIAN

Matlamat khusus kajian ini adalah untuk meninjau dan menganalisis tahap kekerapan guru keluar sekolah semasa proses pengajaran dan pembelajaran, isu-isu berkaitan dengannya dan cadangan-cadangan untuk mengatasinya.

### 4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Mengenal pasti kekerapan guru keluar sekolah semasa P&P dan jumlah hari yang terlibat mengikut jenis aktiviti.
- b. Mengenal pasti kekerapan guru tidak hadir ke sekolah atas sebab cuti dan jumlah hari terlibat.
- c. Mengenal pasti jenis aktiviti yang dominan melibatkan guru tiada di sekolah semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
- d. Mengenal pasti pertindihan aktiviti yang dijalankan pada peringkat daerah dan negeri.
- e. Mengenal pasti tahap keberkesanan operasi P&P semasa guru tiada di sekolah.
- f. Mengenal pasti tahap kecenderungan untuk murid ponteng semasa guru keluar sekolah.
- g. Mengenal pasti perbezaan antara penilaian murid dengan penilaian guru berhubung impak guru keluar sekolah semasa P&P.
- h. Mengenal pasti hubungan antara tahap keberkesanan operasi P&P semasa guru keluar sekolah dengan tahap kecenderungan untuk murid ponteng.

## 5.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan seperti berikut:

- a. Pola guru keluar sekolah semasa P&P.
- b. Jenis aktiviti yang dominan menyebabkan guru tidak hadir bertugas di sekolah.
- c. Pertindihan program pada peringkat daerah, JPN dan KPM bagi hari yang sama.
- d. Tahap keberkesanan operasi P&P semasa guru tiada di sekolah.
- e. Tahap kecenderungan untuk murid ponteng semasa guru keluar sekolah

## 6.0 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis yang digunakan dalam kajian ini ialah:

- Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penilaian murid dengan penilaian guru terhadap tahap keberkesanan P&P semasa guru tiada di sekolah.
- Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penilaian murid dengan penilaian guru terhadap tahap kecenderungan untuk murid ponteng semasa guru keluar sekolah
- Ho: Tidak terdapat hubungan antara tahap keberkesanan operasi P&P semasa guru keluar sekolah dengan tahap kecenderungan untuk murid ponteng.

## 7.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan secara kuantitatif dan kualitatif melalui data dari sekolah yang diperoleh daripada pengetua dan guru besar, soal selidik menggunakan 5 skala keamatan Likert melibatkan guru sekolah dan murid sekolah menengah serta soal selidik menggunakan kaedah soalan terbuka untuk pengetua dan guru besar. Populasi kajian adalah sekolah-sekolah di negeri Johor. Persampelan yang diambil melibatkan beberapa sekolah yang dipilih secara rawak berlapis. Sebanyak 28 pengetua, 103 guru besar, 149 guru sekolah menengah, 321 guru sekolah rendah dan 763 murid sekolah menengah terlibat menjadi responden. Analisis data secara kuantitatif dibuat menggunakan perisian komputer SPSS 10.01 melibatkan statistik deskriptif dalam bentuk peratusan. Skor min digunakan bagi menentukan tahap keberkesanan operasi P&P dan tahap Bagi menguji hipotesis kajian pula statistik tinggi melibatkan ujian-t dan Korelasi Pearson ( $r$ ) digunakan. Data kualitatif dari soal selidik menggunakan kaedah soalan terbuka pula dianalisis secara manual dengan mengelompokkan dan mengekodkannya sebelum dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan.

## 8.0 DAPATAN KAJIAN

### a. Pola Pergerakan Guru Keluar Sekolah Semasa P&P

Pergerakan guru keluar sekolah semasa P&P mempunyai pola tersendiri. Bilangan guru keluar sekolah semasa P&P dan bilangan hari yang terlibat adalah paling rendah pada bulan Januari (2488 guru: 3327 hari) tetapi mula meningkat pada bulan Februari (3915 guru: 5096 hari) dan mencapai tahap tertinggi pada bulan Mac (5199 guru: 7020 hari) sebelum menurun sedikit demi sedikit pada bulan-bulan seterusnya.

Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian PPD Mersing (2005) iaitu peratus tertinggi guru keluar sekolah semasa P&P dicatatkan pada bulan Mac 2005 (26.9%) kerana ramai guru terlibat dengan urusan pertandingan dan aktiviti kokurikulum di peringkat daerah di samping menghadiri kursus-kursus anjuran PPD, JPN dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Dari segi peratusan guru keluar sekolah semasa P&P, purata ketidakhadiran guru di sekolah pada setiap hari adalah agak rendah (kurang 6.0%) berbanding negara-negara yang sedang membangun yang mencatatkan peratusan melebihi 10%.

### b. Jenis Aktiviti Dominan Melibatkan Pergerakan Guru Keluar Sekolah

Berdasarkan jenis aktiviti pula, pelbagai mesyuarat, kursus, bengkel, pertandingan dan pameran melibatkan bidang kurikulum merupakan penyumbang utama jumlah hari guru tiada di sekolah (33.8%) diikuti oleh alasan cuti (33.5%) terutama cuti sakit dan cuti rehat khas, terlibat dengan pelbagai aktiviti dalam bidang pengurusan (16.9%) dan terlibat dengan aktiviti sukan dan permainan serta aktiviti kokurikulum yang lain (15.8%).

Dapatan ini berbeza sedikit dengan dapatan kajian PPD Mersing (2005) yang mendapati faktor cuti sebagai punca utama ketidakhadiran mereka diikuti oleh penglibatan dalam aktiviti kurikulum. Perbezaan ini telah dijangkakan kerana kajian PPD Mersing (2005) melibatkan cuti panjang seperti cuti bersalin dan cuti haji sedangkan kajian ini tidak memasukkan cuti bersalin dalam data guru tidak hadir atas alasan ada guru yang mengganti. Dalam hal ini, pandangan umum yang menganggap aktiviti kokurikulum adalah faktor utama guru keluar sekolah adalah ditolak.

### c. Pertindihan Aktiviti pada Peringkat Daerah dan Negeri.

Berdasarkan data kualitatif, 40% guru besar dan 64% pengetua berpandangan bahawa antara faktor berlaku pergerakan guru keluar sekolah semasa P&P adalah kerana berlaku pertindihan aktiviti pada peringkat daerah dan negeri. 19% guru besar dan 73% pengetua yakin bahawa pelaksanaan aktiviti kokurikulum paling kerap mengalami pertindihan, sementara 28% guru besar dan 68% pengetua berpendapat aktiviti kurikulum sering berlaku pertindihan.

### d. Tahap Keberkesanan Operasi P&P Semasa Guru Tiada di Sekolah.

Kajian mendapati min penilaian murid (3.6) dan guru (3.8) terhadap keberkesanan operasi



P&P semasa guru tiada di sekolah adalah pada tahap sederhana tinggi. Operasi P&P masih berjalan dengan berkesan walaupun terdapat guru yang bercuti atau bertugas di luar. Kedua-dua murid dan guru sepakat bahawa pergerakan guru keluar sekolah semasa P&P tidak menjelaskan operasi P&P di dalam bilik darjah. Oleh itu, pergerakan guru keluar sekolah semasa P&P juga sepatutnya tidak menjelaskan operasi P&P. Dapatkan kajian yang dibuat oleh Burris (2002) dan PPD Kluang (2005) menyokong andaian ini kerana kajian mereka mendapati tiada perkaitan yang signifikan di antara ketiadaan guru dengan pencapaian akademik murid.

Walau bagaimanapun, pentadbir sekolah yang terlibat mempunyai pandangan bahawa guru keluar sekolah semasa P&P memberi impak yang negatif terhadap operasi P&P di dalam bilik darjah. 90% orang pengetua dan 78% orang guru besar yang terlibat dalam kajian ini bersetuju bahawa pergerakan guru keluar sekolah semasa P&P mengganggu operasi P&P di dalam bilik darjah. Ramai pengetua juga berpendapat bahawa pergerakan guru keluar sekolah semasa P&P mengganggu aktiviti sekolah (30%) dan menambah bebanan guru (27%). 20% orang guru besar pula yakin bahawa pergerakan guru keluar sekolah semasa P&P mendorong masalah tentang guru ganti.

#### e. Tahap Kecenderungan Murid Ponteng Semasa Guru Keluar Sekolah

Kajian mendapati skor min penilaian murid ( 1.92) dan guru (1.97) terhadap kecenderungan untuk murid ponteng adalah pada tahap yang rendah. Faktor murid ponteng bukan dipengaruhi oleh guru keluar sekolah semasa P&P atau tidak berminat untuk belajar. Kemungkinan yang ada ialah, murid ponteng disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti masalah peribadi, keluarga, sikap, kesihatan, pengaruh rakan sebaya dan lain-lain lagi.

#### f. Perbezaan Antara Penilaian Murid Dengan Penilaian Guru Berhubung Impak Guru Keluar Sekolah

Keputusan ujian-t mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min penilaian murid dan guru terhadap impak guru keluar sekolah semasa P&P. Guru menilai keberkesanan operasi P&P semasa ketiadaan mereka adalah pada tahap yang lebih tinggi berbanding penilaian murid mereka. Begitu juga dengan impak guru keluar ke atas kecenderungan untuk murid ponteng. Murid menilai tahap kecenderungan tersebut pada kadar yang lebih rendah berbanding penilaian guru mereka.

#### g. Hubungan Antara Tahap Keberkesanan Operasi P&P Semasa Guru Keluar Sekolah dengan Tahap Kecenderungan untuk Murid Ponteng

Kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan pada aras sederhana berbentuk negatif di antara tahap keberkesanan operasi P&P semasa guru keluar sekolah dengan tahap kecenderungan untuk murid ponteng (-0.311). Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap keberkesanan operasi P&P semasa guru keluar sekolah semakin rendah tahap kecenderungan untuk murid ponteng.

## 13.0 CADANGAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, berikut diutarakan beberapa cadangan:

- a. Mengadakan kajian lanjutan yang lebih terperinci contohnya kajian tentang pergerakan guru keluar semasa P&P yang diperluas skopnya kepada pelbagai kesan dan impaknya terhadap murid, guru dan organisasi dengan lebih menyeluruh berdasarkan saiz, jenis dan kedudukan sekolah.
- b. Perancangan dan penyelarasaran takwim Kementerian, JPN, PPD dan sekolah disediakan sebelum tahun persekolahan bermula bagi membolehkan semua pihak membuat persediaan awal dan sekolah dapat berfungsi dan berjalan dengan lancar.
- c. Diwujudkan satu perisian khas yang dapat bertindak sebagai pangkalan data (database) untuk menyelaraskan takwim 2007 dan dipertanggungjawabkan kepada Sektor Pengurusan Akademik JPNJ memandangkan program dan aktiviti kurikulum adalah yang paling dominan.
- d. Merancang pelaksanaan program dan aktiviti dengan meminimumkan penggunaan masa P&P seperti melibatkan waktu petang, hujung minggu dan cuti sekolah.
- e. Mesyuarat dan taklimat digantikan dengan surat edaran mengikut keperluan.
- f. Majlis keraian dan pelancaran program diminimumkan.
- g. Menghadkan pergerakan guru keluar sekolah setiap hari kepada maksimum 10 %.
- h. Membuat penambahbaikan terhadap mekanisme dan budaya sekolah dalam menangani masalah pergerakan guru keluar sekolah semasa P&P. Pelaksanaan guru ganti yang lebih berkesan melibatkan penggunaan modul pembelajaran, tugas terancang, pembelajaran berkumpulan, sistem pembelajaran kendiri menggunakan komputer atau modul, penggunaan bahan dan maklumat perpustakaan serta penggunaan pelbagai aktiviti pembelajaran lain dengan berkesan perlu diberi penekanan, dilaksanakan dan dibudayakan sebagai 'back up system'. Modal insan guru-guru yang tidak dapat lari daripada menjadi guru ganti perlu juga dibangunkan agar mereka mempunyai sikap yang lebih positif dan bertanggungjawab untuk menjadi guru ganti yang berkesan.

## 14.0 PENUTUP

Kajian ini dianggap berjaya kerana kesemua objektif kajian telah dicapai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keberkesanan operasi P&P semasa guru tiada di sekolah adalah pada tahap sederhana tinggi sementara kecenderungan untuk murid ponteng sekolah mahupun ponteng kelas pula adalah pada tahap yang rendah. Oleh itu, pergerakan guru keluar sekolah semasa P&P tidak menjelaskan operasi P&P di dalam bilik darjah ataupun mendorong untuk murid ponteng. Justeru, mekanisme yang perlu diperbaiki adalah pelaksanaan guru ganti yang lebih berkesan bagi menangani masalah yang timbul di samping melaksanakan langkah-langkah perlu seperti cadangan di atas.

## RUJUKAN

- Alcázar, L. F., Rogers, H., Chaudhury, H., Hammer, J., Kremer, M., & Muralidharan, K. (2004). "Why Are Teachers Absent? Probing Service Delivery in Peruvian Primary Schools." World Bank and GRADE.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran (1980). "Kajian Mengenai Masalah Pentadbiran di Sekolah". Kertas Kajian oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Best, G. dan Khan, K. (1989). *Research in Education*. Prantice Hall, London.
- Bradly, S., Green, C., Leeves, G. (2005). "Worker Absence and Shirking: Evidence from Matched Teacher-School Data". University of Queensland, Australia.
- Bruno, E.J. (2002). "The Geographical Distribution of Teacher Absenteeism in Large Urban School District Settings: Implications for School Reform Efforts Aimed at Promoting Equity and Excellence in Education". Education Policy Analysis Archives. Volume 10: 32, July 2002.
- Burris, L.L. (2002). "A Correlational Study of Teacher Absences and Student Test Scores in Urban and Suburban Environment". Departmental Honours Thesis, The University of Tennessee.
- Chaudhury, N., Hammer, J., Kremer, M., Muralidharan, K. & Rogers, F.H. (2004). "Teacher and Health Care Provider Absenteeism: A Multi- Country Study." World Bank: Washington, DC.
- Kamarudin Hj. Husin, ( 1994 ). *KBSM dan Strategi Pengajaran Bahasa* (Edisi Baru), Siri Pendidikan Perguruan, Kuala Lumpur, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang (1988). *Pendidikan Di Malaysia*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
- Norton, M. S. (1998). "Teacher Absenteeism: A Growing Dilemma in Education." *Contemporary Education* 69: 2, pp 95-99.
- PPD Kluang (2005). "Kajian Kekerapan Guru Tidak Hadir ke Sekolah Semasa P&P di Sekolah-sekolah Daerah Kluang". Kertas kajian oleh Unit Pengurusan Akademik, PPD Kluang Pejabat

PPD Mersing (2005). "Analisis Kajian Ketidakhadiran Guru di Sekolah Pada Masa Persekolahan Daerah Mersing". Kertas kajian oleh Unit Pengurusan Sekolah PPD Mersing.

Rao, G. V.& Narasimha, L. (1999). *Teachers Absenteeism in Primary School : A Field Study in Select Districts of Madhya Pradesh and Uttar Pradesh*. New Delhi: District Primary Education Programme.

Rogers, F.H., Lopez-Calix, J., Chaudhury, N., Hammer, J., Córdoba, N., Kremer, M. & Muralidharan, K. (2004). "Teacher Absence and Incentives in Primary Education: Results from a National Teacher Tracking Survey in Ecuador". A contribution to the World Development Report 2006.

SMERU Research Institute. (2004). "When Teachers are Absent: Where Do They Go and What is the Impact on Students". SMERU Research Institute: Jakarta, Indonesia

World Bank Research Group on Public Service Delivery (2002). "Initial Project Description: Survey of Education and Health Providers". Background Study for the World Development Report 2003/04.